



This is a preview. The total pages displayed will be limited.

UUM Press  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
Kedah Malaysia.

Tel: 04-9284797  
Faks: 04-9284792  
E-mel: [penerbit@uum.edu.my](mailto:penerbit@uum.edu.my)  
Laman sesawang: <http://uumpress.uum.edu.my>

© 2018 UUM Press

Cetakan Pertama 2018

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dengan sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada UUM Press.

UUM Press ialah anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hatta Azad Khan, Prof., Dr., 1952-

MENULIS SITCOM: MENCONTOHI PI MAI PI MAI TANG TU /  
HATTA AZAD KHAN.

ISBN 978-967-22210-2-1  
1. Situation comedies (Television programs)--Malaysia.  
2. Television comedies. 3. Government publications--Malaysia. Judul.  
808.23

Reka bentuk kulit: Mohd Khairulnizam Yaakub  
Gambar-gambar ihsan daripada Puan Chandrawati Abdullah, Cinematic Sdn. Bhd.

Dicetak di Malaysia oleh  
UUM Press

Copyrighted material

Some pages are omitted from this book preview.

membeli rumah atau keperluan melengkapkan rumah baharu apabila kami berpindah. Saya dan isteri juga tidak pernah membiarkan Hafsham dan keluarga tinggal di hotel setiap kali mereka mengunjungi kami sewaktu di Sydney, Australia dan juga di Kuching, Sarawak.

Keserasian inilah menjadikan *Syyy!* (yang kemudian menjadi *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*) bertahan selama 18 tahun sebagai *sitcom* televisyen. Rasanya belum ada *sitcom* yang mampu bertahan sejauh itu hingga kini.

Terima kasih Jusoh!  
Terima kasih Meor!  
Terima kasih seluruh barisan pelakon yang menghidupkan watak-watak.  
Terima kasih kepada semua anggota team produksi.  
Terima kasih RTM, TV3 dan Astro.  
dan teristimewa:  
Terima kasih Hafsham dan keluarga!

Hatta Azad Khan  
KGSAAS Shah Alam Selangor  
22082018

\*Prakata yang ditulis semula selepas pertama kali tersiar dalam buku *Syyy!* Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2010.

## PENDAHULUAN

#### **Apakah sitcom?**

Kenapa orang ramai menonton *sitcom*? Adakah kerana watak-wataknya yang menggelikan hati? Adakah kerana cerita dan persoalan yang dibawa? Adakah kerana adanya sesuatu watak yang menarik kepada mereka? *Sitcom* ialah ubat, penawar atau terapi berkumpulan yang boleh dinikmati oleh seisi keluarga dalam suasana yang selesa di rumah.

*Sitcom* ialah gabungan dua perkataan iaitu *situation* dan *comedy*. Ini bererti *sitcom* ialah komedi yang lahir daripada sesuatu situasi atau keadaan. Ringkasnya *sit* daripada perkataan *situation* dan *com* daripada perkataan *comedy*. Apabila digabungkan jadilah *sitcom*. *Sitcom* ialah suatu genre komedi yang dilakonkan oleh sekumpulan pelakon tetap daripada episod kepada episod. *Sitcom* televisyen dirakam di hadapan audiens dalam studio dan hilai ketawa audiens turut terakam. Walau bagaimanapun suara ketawa ini juga boleh digantikan dengan *laugh track* yang telah dirakam secara berasingan dan diaud dalam rakaman lakonan sewaktu suntingan dibuat.

Pernah ada saranan untuk menggunakan bahasa Melayu daripada perkataan yang sama tapi dieja secara Melayu iaitu komedi dan situasi menjadikan komsit. Istilah itu tidak diguna pakai dan terus lenyap. Kita seperti sudah menerima *sitcom* sebagai perkataan dalam bahasa Melayu.

Hari ini *sitcom* menjadi program tetap televisyen di seluruh dunia di samping program *reality tv* dan *stand-up comedy* atau di Malaysia mula dipanggil *komediri*. Banyak negara yang mencipta *sitcom* mereka sendiri berdasarkan kehidupan dan watak mereka sendiri tanpa mengambil atau membeli *sitcom* dari Amerika atau England. Australia, Canada, India, Mexico, New Zealand dan Russia kesemuanya mempunyai *sitcom* ciptaan mereka sendiri: Australia dengan *Daily at Dawn* (1981), *Mother and Son* (1987), *Please Like Me* dan *At Home with Julia* yang kedua-duanya bermula sejak 2013. Canada pula terkenal dengan *sitcom Little Mosque on the Prairie* (2007-2012).

#### **Apakah komedi?**

Komedi sudah wujud sejak tamadun awal manusia lagi. Perkataan komedi (*comedy*) itu asalnya daripada perkataan Yunani (Greek) *komoidia* yang merujuk kepada karya-karya yang bertujuan menimbulkan kelucuan atau *humorous* atau sesuatu yang menggelikan hati terutamanya dalam persembahan teater, televisyen atau filem.

1

Copyrighted material

Komedi adalah lawan tragedi. Komedi memberikan *happy ending* atau pengakhiran yang menggembirakan. Komedi adalah kisah yang menimbulkan keriangan dan gelak ketawa. Komedi sering dianggap membawa persoalan dalam kehidupan harian yang bersifat ringan atau tidak membebani pemikiran. Tiada persoalan hidup-mati (*a matter of life and death*) dalam komedi, tiada kematian, tiada perhitungan maut, tiada balas dendam dan tiada tuduhan yang memalukan atau menjatuhkan maruah dan air muka.

Saya sentiasa berpegang pada falsafah bahawa anda harus serius untuk membuat sebuah komedi yang menarik. Tahap serius ini tidak hanya pada aspek penulisan, tetapi juga pada pelakon dan lakonan. Memang proses mengerjakannya terutama waktu latihan dan rakaman anda boleh bergelak ketawa tetapi setiap yang dilakukan, setiap situasi, setiap dialog dan setiap perlakuan anda mesti melakukannya dengan penuh yakin dan percaya bahawa itu benar dan bukan dibuat-buat.

Kata-kata saya benar apabila kemudiannya saya terjumpa penulisan oleh John Caird (2010:157), *the most fundamental rule of comedy for those engaged in writing, directing or performing it is that it must be taken seriously. If it isn't taken seriously it won't be funny and if it isn't funny it isn't comedy*. Dengan berpegang pada falsafah ini barulah kita akan berjumba dengan karya yang menjadi ‘seriously funny’ dan penonton akan ketawa hingga ‘pecah perut’ atau menitiskan air mata. Inilah yang seharusnya menjadi harapan dan matlamat setiap kali kita menghasilkan sebuah skrip *sitcom*.

Untuk melahirkan watak dan situasi yang ‘seriously funny’ anda tidak boleh berlakon secara buat-buat bodoh, bukan juga sengaja menjadikan diri anda seorang yang kurang upaya, bukan juga mencacatkan tubuh badan, mengoyakkan baju, menyingskapkan kaki seluar atau berpakaian secara *cross-dressing*. Semua ini banyak berlaku dalam lawak jenaka zaman filem komedi Melayu lama atau bangsawan atau adegan peran dalam Makyong. Watak dalam *sitcom* berbeza kerana *sitcom* bukan lawak jenaka, tetapi watak-watak biasa yang terperangkap dalam situasi yang tidak merekajangkakan.

Ada ketikanya watak-watak dalam *sitcom* boleh terkeluar daripada kelaziman biasa dan menjadi luar biasa atau berlebihan kerana watak-watak boleh mengalami perubahan emosi hasil daripada kejadian yang kohnonya malang: ditinggalkan orang tersayang, kemalangan, kehilangan wang simpanan secara tiba-tiba, sakit misteri dan sebagainya. Hasil daripada gangguan emosi ini semuanya harus kelihatan berlaku

dengan bersahaja dan berpunca daripada kesan dalaman dan bukan dizahirkan secara luaran sahaja tanpa sebab dan alasan kukuh.

#### **Sejarah asal usul *sitcom***

Istilah ‘*situational comedy*’ atau ringkasnya *sitcom* mula dipakai secara meluas selepas 1950-an lagi yang bermula di corong radio dan kemudian berpindah ke televisyen. Menurut sejarah, *sitcom* pertama yang muncul di televisyen adalah pada tahun 1946–1947 dan tajuknya *Pinwright's Progress* sebanyak sepuluh episod yang tersiar di saluran BBC di United Kingdom. Sementara itu di Amerika pula, William Asher seorang pengarah dan penerbit dikatakan sebagai orang pertama yang mencipta *sitcom* atau ‘*the man who invented the sitcom*’. Beliau mengarab lebih daripada dua dozen *sitcom* kegemaran ramai termasuklah *I Love Lucy* sekitar tahun 1950-an hingga 1970-an.

Perhatikan penjelasan oleh Madeline Dimaggio (1990:58) tentang *sitcom*: perkataan *sitcom* ialah ringkasan daripada komedi situasi berdurasi setengah jam. Komedi setengah jam ini bergantung kepada watak-watak tetap dengan berbagai situasi kehidupan mereka bagi menggerakkan jalan cerita. Sebilangan besar komedi sebegini dirakamkan secara langsung di dalam studio bersama penonton. Bagi tujuan inilah barisan pelakon dan setnya diringkaskan. Dalam bahasa Inggerisnya: *The word sitcom is short for the half-hour situation comedy. These shows run a half-hour in length and rely on continuing characters and their situations to provide the humour and move the story-line forward. The majority of these shows are taped 'live' in front of a studio audience. For this reason, the casts and sets are kept to a bare minimum.*

Daripada petikan tersebut, bolehlah kita merumuskan bahawa sebuah *sitcom* itu,

1. Mempunyai watak-watak tetap.
2. Terdapat pelbagai situasi yang menggerakkan cerita.
3. Dirakam secara langsung bersama penonton.
4. Set dalam studio yang ringkas.

Pesan saya – semua ini mestilah menampakkan realiti sebenar dan bukan dibuat-buat: watak tetap yang hidup, situasi yang menarik tetapi bersahaja, rakaman selepas latihan sekukunya dan set ringkas yang mengandungi keperincian bagi menampakkan kesan realism yang sesuai dengan kedudukan sosioekonomi watak dan situasi yang mereka hadapi.

## **I MENULIS SEBUAH SITCOM**

**S**itcom perlu mempunyai skrip yang ditulis rapi. Jangan percaya kalau ada yang mengatakan bahawa sebuah *sitcom* boleh dibuat secara *impromptu* – tanpa persediaan atau persiapan atau dibuat secara serta-merta: berikan sahaja jalan cerita dan pelakon boleh membuat dialog mereka sendiri. Ini tidak benar. Semua *sitcom* mempunyai skrip yang lengkap, memerlukan bacaan awal dan latihan. Jika ada ayat atau dialog yang perlu diubah, itu adalah tugas penulis. Oleh sebab itu, penulis harus hadir pada sesi bacaan pertama dan jika mungkin sebahagian latihan di peringkat awal.

Sebuah *sitcom* tercipta atau direka oleh seseorang. Ideanya mungkin daripada seorang pengarah atau penerbit tetapi mereka tidak menulis skrip. Mereka memerlukan kehadiran seorang penulis yang mengembangkan idea dengan kumpulan watak yang menggerakkan suatu jalan cerita. Apabila tersiarinya sebuah *sitcom*, ianya mungkin akan memulakan *credit title* dengan perkataan ciptaan atau dicipta oleh dan diikuti dengan karya. Tapi jika idea asal dan penulisan skrip dihasilkan oleh penulis, nama penulis akan tertera sebagai ciptaan dan karya.

Jika anda mahukan nama anda dikreditkan sebagai pencipta dan pengkarya, anda perlulah memahami sepenuhnya teknik dan gaya penulisan *sitcom*. Sebelum anda duduk di hadapan *laptop* atau *tabletop* anda dengan sebuah termos berisi kopi panas untuk memulakan penulisan, eloklah jika anda bertanya diri anda dengan soalan ini:

**Kenapa anda mahu menulis sebuah *sitcom*?**

Ini satu soalan yang perlu anda jawab dengan sebaik mungkin sebelum mula menulis satu proposal atau sebuah skrip atau anda mengarah atau menerbitkan sebuah *sitcom* untuk siaran televisyen kepada umum. Jawapan ini sangat penting kerana ia akan turut mempengaruhi proses kreatif anda nanti. Tanyakan diri anda kenapa *sitcom*? Kerana untuk mendapat tempat pada slot televisyen anda juga boleh menulis *telemovie*, drama bersiri atau mungkin sebuah dokumentari. Anda masih boleh dikenali dan anda masih boleh menyampaikan sesuatu mesej, sesuatu saranan, sesuatu teguran atau kritikan tanpa melibatkan diri dalam sebuah *sitcom*. Tanyalah diri anda:

1. Anda ingin menyajikan suatu bentuk atau gaya hiburan kepada penonton.
2. Anda memang secara semula jadi gemar membuat orang lain ketawa.

3. Anda merasa lebih mudah menyampaikan idea anda melalui komedi.
4. Anda ingin menyengat atau menggigit dalam ketawa.
5. Anda mahu menyampaikan sesuatu yang sinikal.
6. Anda sendiri mahu senyum dan ketawa.
7. Anda merasa sangat bahagia mendengar orang lain ketawa.
8. Anda memang seorang yang sangat *humorous*.

Apa pun jawapan yang anda cari, objektifnya adalah hiburan yang menceriakan kehidupan harian, memberikan rempah-ratus dalam perkongsian hidup kawan-kawan sebaya, pasangan suami isteri, ibu-bapa, anak menantu dan mertua. Persoalan kehidupan pelbagai manusia ini digarap secara ringan dan bersahaja kerana *sitcom* itu mesti menghiburkan, bukan menghiba hati atau menakutkan. Terpulanglah kepada kebijaksanaan penulis, pengarah dan penerbit jika mahu menyelitkan sebarang pengajaran, sindiran atau protes mesra dalam suasana ringan yang menghiburkan itu. Cuma ianya sewajarnya berbeza berbanding bentuk atau program yang berupa muzik, nyanyian atau lawak jenaka.

Hiburan dalam *sitcom* boleh sahaja berisikan sesuatu yang boleh menyolal tentang sesuatu perkara, boleh menyarankan sesuatu idea atau mungkin mengkritik sesuatu keadaan yang difikirkan tidak mendatangkan sebarang kebaikan kepada masyarakat. Ini adalah kritikan sosial. Dalam waktu mendengar dan mengikuti sesuatu kisah atau cerita yang lengkap yang dihidupkan oleh pelbagai watak yang mempunyai hubungan sama ada hubungan keluarga, kawan-kawan yang tinggal serumah, atau yang bekerja sepejabat dengan interaksi mereka terhadap watak-watak sampingan yang keluar masuk dalam kehidupan sehari-hari mereka, kita akan turut mendengar dialog yang berupa sindiran atau teguran. Itulah indahnya *sitcom*. Dalam ketawa ada senda yang menggigit, menyengat dan menikam secara terus dan telus.

#### **Mencontohi *Sitcom Pi Mai Pi Mai Tang Tu*:**

Ramai yang bertanya kepada saya, bagaimana saya mampu menulis sebegitu banyak episod dalam *sitcom Pi Mai Pi Mai Tang Tu*? Sebelum menulis saya telah membuat persediaan yang rapi: tempat atau lokasi, watak-watak, isi atau persoalan utama. *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* bermula daripada sebuah skrip drama pentas bertajuk *Syyy!* yang berlokasi dalam sebuah perkampungan setinggan di pinggir sebuah kota raya. Saya memilih sebuah warung sebagai tempat watak bertemu sambil minum dan berbual tentang pelbagai perkara. Warung itu terletak berhampiran jalan masuk dan keluar ke Kampung Seri Wangi. Jadi, siapa saja yang keluar masuk pasti akan melalui atau singgah di warung tersebut. Orang

luar yang pertama kali masuk ke kampung setinggan itu juga akan singgah dan bertanya arah atau nama penduduk di warung tersebut.

Dengan set dan lokasi yang tersedia itulah saya menghadirkan watak-wataknya. Saya ciptakan watak-watak pelbagai peringkat umur lelaki dan perempuan; watak separuh umur seperti Pak Busu, Mak Usu dan Pak Uda, watak anak muda seperti Budin dan Mat Deris, watak perantara iaitu Mamak Maideen dan watak pihak berkuasa tempatan Encik Salim dan Encik Selamat.

Anda boleh memilih sama ada mewujudkan atau mencipta situasi terlebih dahulu dan mengisinya dengan watak atau sebaliknya – mencipta watak-watak dan meletakkannya dalam situasi tertentu. Pelbagai watak. Berikan mereka pendirian atau tingkah laku, tabiat atau sifat dan sikap yang kekal. Setiap episod perlu ada sesuatu isi atau

persoalan atau kejadian. Ianya mungkin boleh ditimbulkan oleh satu watak dan watak-watak lain akan memberikan reaksi mereka terhadap apa yang dilakukan oleh watak itu.

#### **Menulis sitcom itu mudah**

Sering didengar sangkaan dan tanggapan bahawa menulis dan merakam *sitcom* itu mudah. Tujuannya adalah semata-mata untuk membuat penonton ketawa. Jadi buatlah sedikit kelakar atau perangai yang sedikit gila-gila bahasa dan pastinya mereka akan ketawa. Panggil beberapa orang pelakon komedi, berikan mereka situasi dan akan jadilah satu komedi yang akan membuatkan orang ketawa melihat dan mendengarnya. Tetapi sebenarnya untuk membuat penonton ketawa secara spontan adalah suatu perkara yang sangat payah. Ia memerlukan cerita (skrip) yang dibuat berdasarkan pemikiran (penyelidikan) dengan dialog yang penuh makna, bersahaja tetapi sangat lucu, sinis dan menikam.

Pada saya, lebih mudah membuat penonton menangis dari pada ketawa. Membuat orang ketawa itu sebenarnya sangat payah dan yang paling payah adalah untuk membuat penonton ketawa sampai menitik kan air mata. Ini bermakna komedi atau *sitcom* yang baik sangat payah untuk ditulis, dilakon dan diarah. Ada orang bertanya, "Bolchkah menulis sebuah komedi atau *sitcom* itu diajar dan dipelajari?" Kata Demaggio (1990:59):

*Some professionals say yes, and others believe it is an inner sense that cannot be passed on. Comedy has a certain tempo and rhythm just like a piece of music. I believe that all writers can develop a better comedic ear through*

7

Copyrighted material

*practice. But there are those fortunate few, like the Neil Simons of the world, who are born with perfect pitch.*

Saya pernah membeli sebuah buku berjudul *Comedy Writing Secrets* oleh Melvin Helitzer (1987), presiden sebuah agensi pengiklanan di New York yang meninggalkan kerjayanya untuk mengajar tentang *Humor Writing for Fun and Profit* di Ohio University, Athens, Amerika pada tahun 1980-an. Kursus itu dikatakan sangat popular sehingga pelajar terpaksa mendaftar setahun lebih awal untuk mendapat tempat dalam kumpulan hanya seramai 20 orang pelajar. Ertinya ramai yang mahu belajar menulis komedi dan Helitzer percaya bahawa subjek itu boleh diajar atau dipelajari.

Buku *Menulis Sitcom* ini juga bertujuan untuk menunjuk-ajar sesiapa saja yang berminat untuk mempelajari kaedah atau tatacara menulis skrip *sitcom* dan seterusnya melibatkan diri dalam penerbitannya. Tetapi buku jangamlah dianggap sebagai '*a step by step guide*' atau panduan berperingkat. Apa yang tulis adalah lebih kepada perkongsian pengalaman dalam penulisan dan penerbitan. Walau bagaimanapun, saya turut memberikan panduan dengan memasukkan skrip yang sudah dirakamkan.

Ada dua buah skrip iaitu *Hangus* dan *Kumbang*. Kedua-duanya adalah skrip dengan cerita yang lengkap – ada pengenalan, konflik di pertengahan cerita dan ada pengakhiran atau disebut kesudahan cerita. Oleh kerana *sitcom* hanya berdurasi selama setengah jam sahaja, maknanya kedu-dua skrip ini dibahagikan kepada dua bahagian, bahagian 1 dan bahagian 2. Jika anda perhatikan kedua-duanya ditulis dalam enam adegan – tiga adegan dalam bahagian 1 dan tiga lagi adegan dalam bahagian 2. Semuanya ini disusun bagi memenuhi keperluan satu episod *sitcom* yang berdurasi selama 30 minit.

Perlu diingat durasi 30 minit ini termasuk montaj (*montage*) dan muzik pengenalan serta *commercial break* atau ruang iklan. Durasi 30 minit itu akan dibahagikan kepada tiga segmen bagi dimasukkan iklan pada setiap permulaan dan penghujung segmen, atau sebelum dan selepas setiap adegan. Jika setiap tayangan iklan mengambil masa dua minit, bermakna tiga kali iklan sudah memakan masa 6 minit. Dengan montaj dan muzik pengenalan selama 1 minit, keseluruhan slot 30 minit itu sudah berkurangan selama 7 minit menjadikan waktu siaran cerita hanya 23 minit. Masa 23 minit ini dibahagikan kepada tiga adegan (*segment*) bermakna satu adegan (*segment*) hanya perlu berjalan selama 7 – 8 minit sahaja.

Dengan perkiraan ini, sebagai penulis, pengarah dan penerbit, anda boleh membuat persediaan yang rapi tanpa perlu membuang

8

Copyrighted material

masa, tenaga dan kewangan yang tidak perlu. Buat perkiraan yang sebaik-baiknya bagi memudahkan proses penulisaan, rakaman dan pos-produksi terutama penyuntingan. Sebagai penulis skrip jangan bercita-cita terlalu besar dengan menulis skrip yang panjang berjela dan cuba mempertahankan bahawa semua yang ditulis itu penting bagi menyampaikan jalan cerita, mesej dan macam-macam lagi. Sepanjang mana pun anda tulis dan sepanjang mana pun rakaman dibuat, yang tersiar di kaca televisyen hanyalah 21, 22 atau 23 minit sahaja. Jadi ada baiknya anda akur dengan format yang sudah menjadi ketetapan di seluruh dunia ini.

Perkiraan sewaktu menulis skrip pula adalah seperti berikut: satu muka surat atau halaman bertaip bersaiz A4 yang mengandungi arahan kepada pergerakan watak dan dialog watak yang ditulis dalam format contoh skrip *Hangus dan Kumbang*, adalah pada kiraan 1 atau 1.15 minit lakonan yang terakam bagi setiap helaian. Bermakna bagi tempuh 7 – 7.15 minit bagi satu segmen adegan, skrip yang tertulis adalah dalam 5 – 7 halaman sahaja. Ini bermakna satu episod *sitcom* adalah sekitar 18 hingga 21 halaman sahaja.

#### Kepentingan situasi

Ramai orang beranggapan bahawa *sitcom* menjadi lucu dan menarik kerana barisan pelakon yang memainkan pelbagai watak dengan pelbagai persoalan. Tetapi harus diingat bahawa mereka membawa isu atau persoalan itu dalam situasi tertentu. Situasi yang menghidupkan mereka dan begitu juga persoalan yang dibawa. Situasi menjadi sangat penting. *Sitcom* itu komedi situasi atau komedi yang lahir daripada sesuatu situasi atau keadaan atau persekitaran pada sesuatu masa atau dalam sesuatu tempuh masa. Yang penting di sini adalah situasi. Watak mesti berada dalam sesuatu situasi barulah mereka boleh beraksi atau memberikan tindak balas. Jadi ternyata situasi itu sangat penting.

Watak-watak yang hidup dalam cerita terperangkap dalam situasi yang menyebabkan mereka terpaksa bertindak dengan pantas atau segera dan menjadikan perkara itu lucu. Bayangkan situasi seperti tersalah hadir ke rumah yang mengadakan kenduri dan hadiahnya telah diberikan kepada tuan rumah, atau temu janji yang telah diatur tetapi ada pakatan untuk menghantar orang lain, atau keadaan beg yang sama bertukar tangan.

Dalam skrip asal *Syyy!* penduduk Kampung Seri Wangi yang hidup dalam aman damai tanpa sebarang bencana tiba-tiba dikejutkan dengan sebuah papan tanda yang terpacak tegap berhampiran warung

Mamak Maideen yang menjadi jalan masuk/keluar laluan penduduk tetap dan pelawat ke kampung di pinggir kota raya itu. Papan tanda itu bertulis:

*CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN LOJI  
PENYIMPAN DAN PENAPIS NAJIS SELUAS 23 EKAR,  
KAWASAN I, PERINGKAT 2D.*

**DENGAN PERINTAH MAJLIS KOTARAYA.**

Inilah suatu kejadian tiba-tiba yang dianggap sebagai bencana atau malapetaka. Kita semua tentu saja boleh membayangkan reaksi dan tindak balas watak-watak utamanya. Reaksi itu tentu sahaja berbeza jika projek itu berupa padang permainan kanak-kanak, kolam memancing atau litar lumba kereta sorong. Tetapi *sitcom* memerlukan sesuatu yang bukan normal. Mesti ada kejutan. Mesti ada tanda tanya, baharulah ianya menarik dan lucu. Maka jadilah projek yang bakal dibina itu sebagai loji mengumpul dan menapis najis.

## 2 KELAINAN SITCOM YANG PERLU ANDA TAHU

### Set dalam studio

**S**et dalam studio sangat terhad dan tidak boleh terlalu besar apa lagi bila studio itu juga harus pada waktu yang sama memuatkan sekitar 100 hingga 150 penonton. Di Malaysia hanya Hafsham yang mampu dan berani melakukan rakaman begini. Set dalam studio ini dibina begitu rupa untuk memberikan kesan realisme jika dilihat daripada pandangan depan iaitu pandangan penonton. Set ini sebenarnya sangat mudah kerana pada bahagian belakang ia tidak menampakkan sebarang kesan yang realistik.

Banyak bahagian yang tidak dilihat penonton tetapi wujud dalam imaginasi mereka kerana sering disebut oleh pelakon. Misalnya jika rumah atau kedai dua tingkat, kita melihat pelakon menaiki tangga dan hilang, kita sedia maklum dan menerima bahawa mereka naik ke tingkat atas. Begitu juga apabila mereka menghilang ikut pintu keluar, kita percaya bahawa mereka berada di beranda luar, masuk ke dapur atau keluar ke belakang rumah. Set sebuah pangaspuri misalnya akan kelihatan hanya pintu masuk ke ruang tamu yang bersekalai dengan ruang makan dan mungkin juga ruang dapur yang kecil. Semua ini akan dibina di dalam studio dan akan kelihatan kepada penonton. Tetapi anda juga boleh membayangkan pelakon masuk ke bilik tidur atau keluar ke balkoni di belakang kerana akan dibuat pintu-pintu atau laluan ke ruang-ruang yang tidak kelihatan itu.

### Rakaman secara langsung dengan penonton (*Live Audience*)

*Sitcom* dirakam di hadapan *live audience*. Kenapa? Bukankah itu tidak realistik? Terdengar gelak ketawa penonton secara spontan. Siapakah mereka? Bila pula mereka masuk ke rumah atau ke bilik mengintai dan mendengar bualan? Bukankah drama itu sepatutnya suatu kejadian yang dihadapi watak-watak dalam kehidupan harian mereka dan dalam kehidupan begini jarang sekali kita mendengar orang ramai bergelak ketawa melihat kelakuan atau mendengar percakapan mereka. Kecualilah jika sesuatu pertengkaran itu berlaku di hadapan orang ramai.

Tapi inilah keindahan karya seni yang bertujuan menjadi hidangan kepada penonton. Penonton diberikan peluang untuk hadir secara dekat

dengan watak-watak dan melihat serta mendengar apa saja perlakuan dan tutur kata mereka. Seolah-olah penonton menjadi makhluk luar biasa yang mendengar segala bualan, segala pertelingkahan pendapat, segala perbalahan dan pertengkaran, bahkan segala keluh-kesah dan bisik hati sekumpulan manusia yang sedang menjalani kehidupan mereka.

Satu persoalan timbul, "Adakah kumpulan manusia yang sedang berinteraksi antara satu sama lain (pelakon) itu boleh, mampu atau perlu mendengar segala respons atau gelak ketawa orang lain yang berada di sekililing mereka?" Sepatutnya tidak kerana mereka sedang menjalani satu kehidupan (yang dicipta) nyata atau dicuba sedapat mungkin menjadi nyata menyamai kehidupan manusia di luar. Itu adalah realisme yang dicipta oleh kumpulan karyawan – penulis, pelakon, pereka, juruteknik, pengarah dan penerbit.

Rakaman di hadapan penonton itu adalah suatu keindahan dalam penciptaan karya seni yang diberikan *poetic* atau *dramatic licence* yang hanya dimiliki oleh golongan karyawan. Saya juga sebenarnya tidak tahu, tetapi sejak awalnya memang begitu cara dan gayanya. Gelak ketawa secara spontan oleh penonton di dalam studio itu sebenarnya memberikan maklum balas dan sekali gus memberi semangat kepada pelakon. Ia juga memberi petanda atau panduan untuk penonton yang menonton siarannya di kaca televisyen – ertiinya kita boleh menempatkan diri kita sama seperti penonton di studio.

relakon di dalam set secara logiknya tuak mendengar naii ketawa penonton. Tetapi dalam *sitcom* yang popular penonton turut terlibat dengan segala perkembangan watak. Mereka bukan sahaja bergelak ketawa tetapi turut menaruh harapan terhadap hubungan antara watak, dan mereka seolah-olah sudah kenal dengan watak dan boleh mengagak apa yang bakal terucap atau aksi yang akan berlaku.

*Live audience* atau rakaman di hadapan penonton secara langsung memang payah dibuat dan lambat. Pada pertengahan tahun 1980-an itu, hanya Othman Hafsham yang berani melakukannya. Saya masih ingat zaman tersebut Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) mencipta *sitcom* dalam mereka sendiri berjudul *Santan Berlada*. Suatu malam Hafsham membawa saya meninjau rakaman *sitcom* tersebut yang dibuat di *sound stage* Filem Negara di Petaling Jaya. Kami sedikit kecewa kerana sebilangan penonton yang hadir tidak diletakkan di hadapan pentas tetapi dikurung dalam sebuah bilik dan mereka hanya menonton melalui monitor televisyen dan gelak ketawa mereka dirakam.

Hafsham berkeras mahu membawa penonton ke dalam studio dan menonton lakonan secara langsung. Itulah yang saya katakan keberanian luar biasa Hafsham. Syarikat rakaman milik Hafsham dan isterinya sanggup berbelanja lebih bagi mendapatkan kumpulan penonton secara

spontan. Penonton dijemput hadir sebagai tetamu undangan dan mereka dilayan serta dijaga dengan baik. Makan minum dan perjalanan untuk datang ke studio ditaja oleh penerbit, kerana penerbit yang memerlukan mereka sedangkan mereka ada pilihan untuk hadir atau tidak.

Sekalipun payah dan rumit, cara ini didapati sangat banyak membantu memberikan kesegaran kepada rakaman yang dibuat di studio kerana para pelakon merasakan lakonan mereka dihargai secara langsung. Impak atau kesan yang sangat menarik itu timbul kerana kes spontan itu memberikan reaksi dan maklum balas kepada pelakon serta penerbitan itu sendiri.

Oleh yang demikian, apabila saya menulis, mengarah dan menerbitkan *sitcom Karim Karan* yang dirakamkan di Panggung Eksperimen, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) sekitar tahun 1997, saya menggunakan format ajaran guru saya Hafsham, dengan rakaman secara langsung di hadapan penonton. Saya kembali ke zaman rakaman pertama *sitcom Syyy!* yang dibuat di Panggung Eksperimen, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi, Selangor sekitar tahun 1984 dengan penonton berbayar atau mereka membeli tiket untuk menonton dan bergelak ketawa.

#### **Prime time**

*Prime Time* ialah waktu puncak atau masa terbaik. Ia sekitar jam 7.30 hingga 9.30 malam. Ini adalah waktu semua ahli keluarga berkumpul di ruang tamu untuk menonton televisyen. Tempoh ini dianggap waktu terbaik kerana semua tugasan harian telah selesai, bahkan dianggap waktu keluarga sudah selesai makan malam dan dapur pun sudah dikemas.

*Prime time sitcom* adalah *sitcom* yang disiarkan pada waktu puncak ini. Oleh kerana inilah waktu keluarga berkumpul maka *sitcom* yang tersiar adalah mengenai keluarga, hubungan ayah ibu dan anak-anak serta sering juga dimasukkan datuk dan nenek, pakcik dan makcik sama ada sebelah emak atau ayah. Hampir semua *prime time sitcom* dari Amerika memaparkan mengenai keluarga seperti *sitcom The Cosby Show, My Wife and Kids, Growing Pains* dan *Who's The Boss*.

*Sitcom* dewasa adalah seperti *Cheers, Friends, Taxi* dan *Perfect Strangers*. *Sitcom* dewasa ditayangkan agak lewat malam memandangkan pada waktu ini kebanyakkan kanak-kanak sudah masuk tidur. Ia berkisar tentang kisah harian orang dewasa dan terdapat sindiran tentang hubungan suami isteri, pasangan kekasih serta hal yang berkaitan dengan kelamin. *Dear John* (1986-1987) asalnya dari England dan dijadikan *sitcom* di Amerika dengan tajuk yang sama (1988-1992) juga mengenai hubungan suami isteri tetapi hubungan tersebut telah terputus

apabila John ditinggalkan isterinya. Kisah suami tunggal ini ternyata menjadi sangat popular dan bertahan lebih lama di Amerika.

#### **Watak yang mati dan dimatikan**

Ini suatu hakikat yang tidak pernah terfikir oleh penulis, pengarah dan penerbit sesebuah *sitcom*. Kita sentiasa beranggaan bahawa apabila sudah terciptanya sebuah *sitcom* dengan barisan pelakon tetap, menjalani latihan dan saluran dan komuniti fans di luar televisyen untuk

rauhan dan rakaman, dan kemudahan tersiar di kaca televisyen untuk tontonan ramai, semuanya akan berjalan dengan sempurna seperti yang dirancang dan diatur mengikut jadual. Tapi bagaimana jika tiba-tiba ada pelakon tetap yang meninggal dunia? Bagaimana kalau ada yang mendirikan rumah tangga dengan seorang jutawan dan pasangannya tidak membenarkan dia terlibat lagi dengan sebuah *sitcom* yang dianggap ‘murahan’ itu?

Ajal maut dan jodoh pertemuan di tangan Tuhan. Kita boleh merancang tetapi Tuhan yang memutuskan. Sebagai penulis, sebagai pengarah dan juga penerbit, kita perlu bersedia menghadapi kemungkinan ini. Dalam *Syyy!* misalnya kami berdepan dengan berita tragis kematian Sabtu Hussein (Mamak Maideen) dalam satu kemalangan. Makanya bila warung kampung berpindah ke warung tingkat bawah flat Seri Wangi, warung itu bertukar milik kepada Pak Uda dan isterinya Mak Ngah.

Itu ketentuan daripada kuasa Allah yang setiap hambanya mesti menerima. Tetapi ada juga ketentuan manusia yang harus diterima. Penerbit atau pengarah boleh membuat ketentuan ini dan menyampaikan arahan kepada penulis: ‘Watak ini perlu dimatikan’ dan anda jadi terenggang dan terkedu sebelum mendengar cerita tentang sebab dan alasannya.

*Sitcom* dibuat dan dirakam sebanyak 13 episod bagi sesuatu musim. Barisan pelakon menandatangani perjanjian bagi mengambil bahagian dan menyudahkan kesemuanya 13 episod ini. Saya rasa tiada sebarang perjanjian termaktub bahawa pelakon itu mesti diambil berlakon sepanjang masa *sitcom* itu diterima untuk siaran stesen televisyen atau dalam kata lain watak itu menjadi hak mutlak dirinya selama-lamanya. Penerbit mempunyai hak dan kuasa untuk menukar sesuatu watak dan menawarkannya kepada pelakon lain tanpa memberi sebarang sebab dan alasan. Sudah pernah berlaku sesuatu watak bertukar kepada pelakon lain apabila *sitcom* itu tersiar pada musim baharu dan selepas dua atau tiga episod, penonton sudah boleh menerima pertukaran tersebut.

Sebagai penulis, anda tidak perlu bertanya sebab pertukaran pelakon berlaku, tetapi anda boleh bertanya apabila menerima arahan untuk ‘menghilang’ atau ‘mematikan’ sesuatu watak yang anda cipta daripada awalnya. Penerbit dan mungkin juga pelakon lain akan

memberikan anda jawapannya. Penerbit juga mungkin telah mendapat cadangan atau arahan daripada pihak stesen penyiar.

Terimalah hakikat ini dan anda perlulah memikirkan cara untuk melenyapkan watak itu. Mungkin dia bercuti ke luar negara, balik dan menetap di kampung, berkahwin dan mengikut pasangan atau mungkin juga berlaku kemalangan maut. Maka anda perlu menulis sepotong dialog mengenai apa yang berlaku pada watak itu dalam episod pertama tanpa kehadirannya.

Proses pembikinan *sitcom* mempunyai tempoh masa yang melibatkan latihan sebelum rakaman dibuat, oleh itu cara kerja berpasukan atau *team work* sangat dititikberatkan. *Sitcom Pi Mai Pi Mai Tang Tu* mampu bertahan lebih daripada 15 tahun kerana adanya persefahaman atau keserasian yang mantap daripada pelakon, penulis, pengarah, penerbit dan seluruh anggota penerbitan. Mereka sudah menjadi seperti sebuah keluarga besar yang saling membantu dan memerlukan. Sebarang permasalahan yang timbul diselesaikan secara bersama dan masing-masing sentiasa bersedia untuk bertolak-ansur, menimbang dan menerima apa saja keputusan yang dibuat oleh pihak pentadbiran dan pengurusan penerbitan.

*Team work* mudah dikacau ganggu hanya dengan ketidakhadiran yang kerap dalam latihan oleh seorang pelakon. Dengan sendirinya dia sudah menjadi gangguan kepada pelakon-pelakon lain yang hadir. Momentum yang sedang memuncak tiba-tiba tersekat atau menurun. Selain ketidakhadiran, ada banyak lagi perkara yang boleh mengganggu proses penerbitan. Pengarah, pengurus produksi dan penerbit sebenarnya sentiasa berhadapan dengan manusia (pelakon) pelbagai ragam sikap, tingkah laku dan tindakan yang sebahagiannya tidak masuk akal. Manusia boleh berubah apabila sudah merasa sedikit mewah dan terkenal. Bayangkan perkara yang tersenarai di bawah yang mungkin menjadi punca seseorang pelakon itu digantikan, hilang atau ‘mati’:

1. Pelakon yang sudah kaya-rayu: Dia mula memakai rantai dan loket atau jam mewah dan tidak mahu menanggalkannya sewaktu latihan dan rakaman sekalipun wataknya bukan kaya-rayu.
2. Angau: Dia mula menjalankan rutin menghantar dan menunggu pasangan di lokasi penggambaran drama atau filem dan tidak hadir latihan atau dia bergegas meninggalkan latihan untuk menghantar bunga kepada pujaan hati yang menyambut hari jadi.
3. Pelaburan: Dia ada sedikit wang dan mahu melipatgandakan jumlahnya dengan cepat dan mudah lalu dia melabur dalam apa sahaja bentuk perniagaan yang tidak dipelajarinya atau melabur dalam pelbagai skim cepat kaya atau bermain judi. Jika kehabisan wang dia memujuk dan meminjam daripada kawan-kawan yang sama-sama berlakon atau meminjam terus daripada bos atau meminta bayaran pendahuluan. Semuanya tidak berbayar dan

- wujudlah suasana tidak bertegur sapa sewaktu hadir latihan dan rakaman.
- Dia mengurat anak bos yang sedang menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), atau dia cuba hendak menggatal dengan isteri bos atau dia mula tunjuk lagak dan gaya serta mula main mata dengan teman wanita bos yang sekali-sekali datang menjenguk ke studio rakaman.

Ini semua adalah andaian, tanggapan atau kemungkinan. Ada yang benar dan ada yang hanya ‘cakap-cakap mulut’ tanpa bukti kukuh. Tetapi sebagai penulis, anda tidak perlulah menjadikan apa yang anda dengar dan apa yang anda lihat sekalipun, sebagai sebab dan alasan untuk memulakan sesi penyelidikan yang lebih mendalam.

Ketua bagi sesebuah penerbitan (termasuk *sitcom*) adalah penerbit. Dialah yang membayar gaji semua yang terlibat termasuk penulis skrip. Jadi sebagai penulis, anda tidak seharusnya memandai, tidak perlu nak melawan ketua dan tidak perlu banyak soal apabila diminta untuk ‘mematikan’ watak. Tugas anda adalah memikirkan cara, gaya dan alasan terbaik untuk menulis kenapa watak itu ‘hilang’.

#### *Swing, bridge dan spin-off*

Selain daripada set utama, terdapat juga *sitcom* yang sesekali menggunakan set lain yang dipanggil *swing*. Set *swing* ini tidak diguna sama seperti set utama. Ia hanya diguna pakai bagi menunjukkan satu atau beberapa watak yang melakukan sesuatu, mungkin tempat mereka bertemu, bekerja atau melakukan sesuatu urusan yang bersifat sementara.

*Bridging shot* atau *shot* penyambung babak pula sering dibuat bagi memberitahu secara ringkas di mana letaknya tempat atau set tetap. *Shot* ini sangat ringkas, mungkin merupakan gambaran dari luar sebuah bangunan *apartment* atau sebuah persimpangan jalan dengan kenderaan yang pergi balik.

*Spin-off* adalah *sitcom* baru yang lahir daripada watak *sitcom* yang telah berjaya. Misalnya, *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* mungkin akan muncul suatu *sitcom* baru dengan watak Budin yang sudah berumahtangga dan berpindah tinggal di suatu tempat baru. Budin masih tetap Budin tapi kini berada dalam lokasi dan situasi yang berbeza. Sesekali, mungkin dia akan menerima kunjungan Mat Deris atau watak lain dalam *sitcom* asal, atau mungkin juga Budin sebagai orang baharu kembali menziarahi flat Seri Wangi dan bertemu dengan watak lama. Secara ringkasnya *sitcom* yang menjadi *spin-off* itu seolah-olah berlaku secara benar dan asli menjadikan *sitcom* asalnya atau induk menjadi lebih hidup dan realistik.

## 3 STRUKTUR DAN ELEMEN *SITCOM*

**S**ama seperti anda menulis naskhah drama, *telemovie* atau lakon layar filem, sebuah *sitcom* juga mempunyai struktur dan elemen yang sama. Bezanya *sitcom* itu lebih cepat bergerak kerana tempoh masa penceritaan yang singkat. Oleh kerana episod pertama sudah memperkenalkan watak-watak utama dan situasi atau persekitaran yang membendung kehidupan mereka, perkara ini tidak perlu lagi diulang. Mulai episod kedua dan seterusnya *sitcom* itu akan terus menimbulkan persoalan dan bagaimana ia diselesaikan.

#### Cerita

Ada banyak perkara yang berlaku dalam kehidupan harian yang apabila difikirkan semula, perkara ini sangat menarik dan lucu. Anda perlu mengenal pasti perkara yang menjadikannya lucu. Tetapi anda perlu ingat sesuatu itu menjadi lucu kerana persoalan yang agak luar biasa, perlakuan yang terkeluar daripada garis kelaziman, perkataan atau percakapan (dialog) yang bernas, panas, menggit, menikam dengan sindiran yang tajam, ciri, sifat, tabiat, kelakuan atau keinginan watak yang tidak terfikir oleh akal yang biasa.

Saya sering bersandar kepada kebenaran atau keadaan realiti di luar. Benar, *sitcom* itu bukan 100 peratus bersandarkan realisme. Melvin (1983:153) menyatakan: *Realism is a big reason for the success of the Bill Cosby Show*. “My one rule is to be true rather than funny”, kata Bill Cosby. *The more realistic we make the humour piece seem, the more our audience indentifies with it*. Kata George Bernard Shaw pula, “...my way of joking is to tell the truth. It is the funniest joke in the world”. Jadi, kebenaran dan realiti sewajarnya menjadi inti pati bagi

sesebuah *sitcom* yang digemari penonton. Kita ketawa pada suatu realiti kehidupan sebenar yang mungkin pahit tetapi dalam ketawa kita turut menyedari kekurangan dan kecacatan. Penyampaian secara sendiri gurau yang bersahaja dalam sesebuah *sitcom* terbukti akan lebih terkesan.

Cerita bagi sebuah *sitcom* mestilah menarik. *Sitcom* bukan cerita biasa yang tiada apa-apa kelainan, perbezaan atau keluarbiasaan. Memang *sitcom* harus kelihatan biasa, mudah difahami dan boleh dikenali oleh penonton, tetapi *sitcom* mestilah sesuatu yang menarik, sesuatu kebiasaan yang boleh dilihat dan dirasai sebagai luar biasa dan menjadi istimewa. Subjek paling popular bagi sesebuah *sitcom* adalah kehidupan keluarga dan kehidupan di tempat kerja (pejabat) dengan

watak yang pelbagai ragam dan tingkah laku yang sering menimbulkan salah faham antara satu sama lain.

Sekiranya *sitcom* adalah tentang keluarga, mesti ada sesuatu yang menarik tentang keluarga itu. *The Cosby Show* misalnya menjadi sangat menarik kerana si bapa adalah seorang yang sangat tegas tetapi caranya bertindak, berfikir, bercakap dan memberikan alasan adalah sangat melucukan. Tambah menarik kerana isterinya cantik dan bijak serta boleh pula mengikut rentak suaminya. Apabila suami isteri ini berdepan dengan anak-anak yang membawa pelbagai ragam dan masalah, mereka berdua boleh mengatasinya dengan cara dan gaya mereka sendiri tetapi menuju ke arah satu penyelesaian yang diterima dan dipersetujui sekalipun pahit untuk ditelan.

#### Tema dan persoalan

Apakah yang mahu dipersoalkan dalam *sitcom*? Adakah dalam keluarga? Keluarga yang bagaimana? Adakah masalah di tempat kerja? Apakah pekerjaannya dan di mana? Adakah tentang hubungan suami isteri? Kenapa? Suami yang kedekut dan sentiasa berkira dengan isteri yang memboros dan gemar bergaya? Tentang jiran tetangga atau tentang adik-beradik yang mempunyai matlamat hidup yang berbeza.

Persoalan juga boleh timbul dan menjadi besar hasil daripada sikap dan pandangan sesuatu watak terhadap sesuatu perkara. Misalnya, seorang tua yang membuat tanggapan bahawa muzik adalah bunyi bising yang memekakkan telinga dan mengganggu kehidupan. Bayangkan gelagat dan tindakannya apabila dia berjiran dengan sekumpulan anak muda yang menggemari muzik dan hidup mereka tidak pernah sunyi daripada bunyi muzik.

Watak orang tua itu boleh ditentukan dengan pelbagai gaya. Orang tua tersebut mungkin seorang yang percakapannya sangat sopan tetapi sentiasa menyindir dan mengigit. Hal ini akan berbeza jika orang tua tersebut seorang yang pemarah dan bercakap kasar. Suasana yang timbul sewaktu dia berdepan dengan anakmuda juga akan berbeza. Watak pertama akan menjadi lebih menarik, sementara watak kedua akan menjadi satu perkara atau situasi yang sangat biasa dan akan berakhir dengan perkelahian apabila masing-masing akan cuba menegakkan tanggapan dan pandangan mereka.

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai keturunan, rupa dan warna, amalan budaya, pegangan dan agama. Ini suatu kekuatan atau suatu modal yang cukup baik untuk dijadikan bahan dan persoalan sebuah siri komedi atau *sitcom*. Kita perlu bersifat terbuka dalam hal-

hal yang berkaitan dengan kaum dan budaya. Sifat baik buruk itu ada pada semua orang tanpa mengira kaum, bahasa dan budaya. Kita wajar menerima hakikat ini dan jangan sesekali menjadikan sesuatu yang kurang baik atau negatif itu sebagai sensitiviti kaum.

Tetapi ramai orang menganggap bahawa hal-hal berkaitan dengan kaum dan agama adalah sensitif dan tidak boleh sama sekali disentuh kerana ditakuti akan menyenggung perasaan pihak tertentu yang menjadi sandaran atau sindiran. Sangat ditakuti sekiranya sesuatu sindiran itu ditujukan atau terkena kepada sesuatu suku kaum.

Tanggapan atau pendapat umum mengenai tabiat sesuatu suku kaum di Malaysia sebenarnya adalah satu tanggapan atau pendapat yang sangat stereotaip. Menganggap orang Melayu pemalas, orang India suka membuat bising dan orang Cina itu pengotor adalah salah sama sekali. Semua kaum di dunia dan bukan hanya Melayu, India dan Cina ada yang pemalas, bising dan pengotor. Bangsa kulit putih, kulit hitam, kulit sawo matang atau kulit kelabu asap, semuanya ada yang kuat tidur, kuat makan, kuat borak dan malas bekerja. Hakikat sebenarnya kesemuanya ciri nekatif ini adalah hak individu. sesiana pun boleh menjadi malas, kuat

tidur, kuat makan dan malas bekerja.

#### Latar tempat

Nama asal *sitcom Pi Mai Pi Mai Tang Tu* adalah *Syyy!* Pada awalnya *sitcom* ini berlatarkan sebuah perkampungan setinggan yang dinamai Kampung Seri Wangi di pinggir bandar raya Kuala Lumpur. Namun, tidak keseluruhan penempatan setinggan itu digambarkan. Latar *sitcom* ini adalah sebuah warung yang terletak di persimpangan jalan masuk ke kampung dan jalan keluar ke bandar. Warung ini dimiliki oleh Mamak Maideen.

Apabila siri ini bertukar menjadi *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*, siri ini berpindah ke suatu kawasan perumahan awam yang terdiri daripada gugusan rumah pangsa yang menggunakan nama yang sama iaitu flat Seri Wangi. Latar tempat ini sangat mustahak bagi menghidupkan watak dan cerita. Tempat utama adalah di hadapan sebuah warung yang diatur dengan kerusi meja di bahagian luar. Warung ini milik Pak Uda dan isterinya Mak Ngah. Di sebelah kanan warung adalah pejabat sebuah sekolah memandu milik Ravi dan di kiri sebuah salun milik Lucy. Ruang tengah antara warung dan kedua tempat ini adalah laluan dari luar (kanan) dan tangga ke tingkat atas (kiri). Dengan susunan ini kesemua watak (pelakon) yang keluar masuk ke set utama akan kelihatan dengan jelas kepada penonton.

Jelasnya, lokasi *sitcom* adalah tempat watak-watak bertemu, duduk bersama sambil menikmati minuman, bertanya khabar,

bertukar pendapat dan mungkin juga bertelagah kata. *Sitcom Cheers* misalnya berlatarkan sebuah bar, *Perfect Strangers*, *Friends*, *Dear John* berlatarkan *apartment* kediaman sekumpulan anak, muda yang berkongsi tempat tinggal. *The Cosby Show* pula adalah rumah kediaman golongan menengah di bandar raya New York, suami seorang doktor perubatan dan isteri seorang peguam dengan anak-anak yang masih belajar dan baru tamat belajar.

Pada saya tempat pertemuan inilah yang paling penting dan menarik. Tempat inilah yang akan menimbulkan pelbagai situasi yang akan menentukan dan mempengaruhi penulisan dan penciptaan awal saya menulis *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*. Cuma tingkat sosioekonomi watak-watkannya diubah menjadi golongan berpendapatan rendah yang tinggal di suatu kawasan setinggan di pinggir bandar raya. Ertinya mereka adalah warga sebuah bandar raya tetapi masih tetap menjalani kehidupan secara kampung, kenal-mengenal dan terlibat dalam apa sahaja permasalahan secara bersama. Tentunya tempat paling sesuai dan menarik bagi mereka bertemu adalah sebuah warung terbuka.

Sebagai penulis adalah yang perlui menentukan tempat di mana segala kisah yang dipaparkan itu berlaku. Tempat ini pula mestilah sesuai dengan taraf atau peringkat sosioekonomi watak yang anda hadirkannya. Misalnya, segala kisah berlaku di sebuah ruang tamu, ruang tamu ini mestilah ditentukan sebagai ruang tamu yang bagaimana? Mewahkah? Sederhanakah atau sebuah ruang tamu yang dikongsi pakai secara mudah atau percuma dan menjadikannya tidak terlalu spesifik kepada cita rasa atau idea sesuatu golongan tertentu.

Set sebuah ruang tamu memberikan banyak kesempatan untuk ditentukan ruang fizikal yang bercantum dengan set itu, misalnya akan ada ruang laluan ke dapur yang tidak kelihatan, bilik tidur, bahkan juga ke bilik air. Dalam set yang kelihatan akan terdapat pintu atau ruang laluan yang keronnya menghalang ke ruang tersebut tetapi secara realiti fizikalnya laluan itu hanya menuju ke belakang pentas yang tidak kelihatan oleh penonton. Ada tangga seolah-olah laluan naik ke tingkat atas yang tidak kelihatan. Ada anjung yang bahagia hadapan yang keronnya menampakkan pandangan luar rumah tetapi yang dilihat adalah tempat duduk penonton. Sorotan realiti ini boleh diterima penonton dengan mudah apabila adanya rujukan arah dan tempat dalam dialog watak-watak.

#### Watak dan perwatakan

Malaysia sebuah negara dengan rakyat berbilang kaum atau keturunan. Sekali pun hampir kesemua bangsa boleh bertutur dalam bahasa yang boleh difahami dengan mudah sama ada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, terdapat banyak kekeliruan dan salah faham antara penutur

semula jadi bahasa Melayu dan penutur daripada kaum atau keturunan lain yang menuturkan bahasa Melayu bukan sebagai bahasa ibunda mereka.

Dalam *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* misalnya ada watak tetap daripada keturunan India dan Cina iaitu Ravi dan Lucy. Kedua-duanya bertutur atau menyampaikan dialog dalam bahasa Melayu dengan sekali sekala menggunakan bahasa Inggeris. Namun, dalam banyak situasi kedua-dua mereka sering membuat tafsiran yang salah atau menampakkan ketidakfahaman mereka terhadap perkara tertentu mengenai kehidupan harian yang diungkapkan oleh watak Melayu di sekeliling mereka.

Watak dalam sebuah *sitcom* selalunya agak berbeza dengan watak dalam drama biasa. Watak dalam sebuah *sitcom* ada keluarbiasaananya dan selalunya setiap watak mempunyai tabiat, kelebihan dan kekurangan mereka sendiri. Kadang-kadang tabiat, perangai, pegangan atau falsafah hidup yang dipegang oleh watak menjadi sedikit keterlaluan. Ini tidak mengapa kerana keterlaluan atau kejanggalan itulah yang menjadikan watak itu berdiri dan diberikan perhatian.

Kita perhatikan dalam hampir keseluruhan *sitcom* pasti terdapat suatu watak yang lurus bendul yang akan sentiasa menimbulkan huru-hara semata-mata kerana dia tidak memahami apa yang dipersoalkan oleh orang lain atau dia membuat tafsirannya sendiri terhadap sesuatu perkara atau dia membuat keputusan awal tanpa berfikir panjang.

Watak-watak dalam *sitcom* mempunyai sikap, tingkah laku, cara dan gaya, serta amalan yang sedikit terkeluar daripada watak-watak biasa yang kita kenali dalam kehidupan sehari-hari. Sekiranya sebuah *sitcom* itu mempunyai tiga, empat atau lima watak tetap atau watak yang muncul setiap masa, kesemua watak ini akan berdiri dengan personaliti atau keperibadian yang tersendiri.

Terdapat beberapa ciri yang membezakan mereka dengan watak-watak lain. Cuba perhatikan watak-watak dalam *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* misalnya, Pak Uda adalah watak yang sedikit garang, sangat berkira dan agak kedekut, sedikit gatal tetapi sangat bersahaja, suka merendahkan orang dan berlagak pandai sekalipun dalam banyak perkara dia akan terkapai-kapai bertanya dan meminta bantuan orang lain. Ada semacam kontras pada watak Pak Busu yang lebih bersopan santun, pandai memujuk, mudah termakan pujian tetapi juga mudah gelabahnya apabila diminta membuat keputusan segera.

Watak Budin adalah watak yang bising, agak berlebihan, suka mentertawakan orang lain, namun seorang yang mudah bersedih. Watak Mat Deris ada ketegasan, ada pendirian sekalipun mudah goyah, goyang dan berubah. Lucy dan Ravi adalah dua watak lurus dan sedikit bendul terutama dalam hal berkaitan dengan bahasa dan budaya Melayu. Ravi akan menjadikan kekurangannya menguasai bahasa Melayu untuk menjadikan dirinya seolah-olah lebih tahu, apa yang salah disebutnya